

NO. SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 20**

**YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan teliti pelaksanaan projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA) di Sarawak, iaitu jumlah unit telah dirancang, lokasi dan apakah status pembinaan projek-projek tersebut, apakah harga yang ditawar kepada orang ramai dan bagaimanakah sambutannya oleh orang ramai.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali izinkan saya terlebih dahulu membentangkan perkembangan pembangunan PR1MA secara keseluruhan di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 259,881 unit kediaman di seluruh Malaysia. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa mengikut kekerapan mesyuarat. Daripada jumlah tersebut 141,661 unit sedang berada dalam pembinaan manakala jumlah selebihnya dalam peringkat perancangan.

Bagi perancangan di Negeri Sarawak pula, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Agensi-Agenzi di bawahnya atas kerjasama kepada PR1MA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 17,911 unit telah diluluskan di Negeri Sarawak. Lokasi bagi projek kediaman PR1MA di Negeri Sarawak adalah di kawasan Parlimen Santubong, Petrajaya, Mambong, Sibu, Bintulu, Bandar Kuching, Kota Samarahan, Stampin, Miri dan Serian.

Pada masa ini kesemua projek-projek kediaman PR1MA di Negeri Sarawak masih dalam perancangan dan dalam pembinaan. Daripada jumlah projek yang telah diluluskan tersebut, sebanyak 6,868 unit

kediaman sedang dalam pembinaan iaitu projek Matang, Sibu, Semenggoh dan Bintawa. Manakala projek-projek selebihnya masih dalam peringkat perancangan.

Bagi projek-projek tersebut, harga jualan kediaman PR1MA yang ditawarkan secara amnya adalah seperti yang ditetapkan iaitu antara RM100,000 – RM400,000 seunit mengikut jenis dan lokasi. Harga ini secara purata 20% lebih rendah berbanding harga rumah di pasaran yang mempunyai spesifikasi dan kawasan yang sama.

Berkenaan sambutan kediaman PR1MA, Alhamdulillah sambutan yang diterima adalah menggalakkan. Secara keseluruhannya Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA telah menerima PR1MA telah menerima sebanyak 1.5 juta pemohon berdaftar dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 127,561 permohonan dari Negeri Sarawak.

Berdasarkan sambutan ini, PR1MA menganjurkan beberapa siri program Hari Terbuka. Program tersebut menjelajahi seluruh Malaysia termasuklah Negeri Sarawak yang diadakan dari semasa ke semasa. Tujuan program ini adalah untuk memberi kemudahan kepada rakyat khususnya rakyat Negeri Sarawak untuk membeli rumah PR1MA. Ianya berkonsepkan pusat sehenti yang menyediakan perkhidmatan secara langsung kepada rakyat bagi urusan pembelian kediaman PR1MA.

Semasa Hari Terbuka PR1MA, pembeli boleh membuat semakan syarat kelayakan, laporan kredit *Credit Tip Off Service* (CTOS), Pinjaman Tabung Pendidikan (PTPTN) serta kelayakan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan. Selain itu, pembeli yang

berminat boleh membeli kediaman PR1MA dan terus menandatangani Perjanjian Jual Beli (SPA) semasa program tersebut. Melalui Hari Terbuka ini, Alhamdulillah jualan kediaman PR1MA mencecah 1,000 unit sebulan bagi pelbagai projek seluruh negara.

Pada masa ini sebanyak 2,790 unit kediaman PR1MA telah dibuka untuk jualan di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut setakat ini sebanyak 840 unit telah dijual dan pembeli telah selesai menandatangani Perjanjian Jual Beli (*Sales and Purchase Agreement - SPA*). Manakala unit kediaman selebihnya masih berada dalam proses kelulusan pinjaman oleh pihak bank. Setelah selesai proses tersebut, barulah pembeli akan menandatangani SPA. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa apabila lebih banyak kediaman PR1MA di Negeri Sarawak dibuka untuk jualan kelak.

Sekian. Terima kasih.

41  
**Soalan ( 21 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2017  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.  
RAHMAN  
[TANJONG MANIS]**

**SOALAN :-**

**YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN [TANJONG MANIS] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sambutan penduduk Sarawak terhadap Skim Sewa Beli (Rent to Own/RTO) yang diperkenalkan oleh Kementerian serta jumlah keseluruhan permohonan yang telah diterima dari Kawasan Parlimen Tanjung Manis di setakat ini.**

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum lagi melaksanakan skim Rent-to-Own (RTO) di Sarawak. Setakat ini hanya empat (4) Program Perumahan Rakyat (PPR) sahaja yang menawarkan skim RTO sejak ianya diperkenalkan iaitu:

BIL	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT	NEGERI	BIL UNIT RUMAH YANG TELAH DITAWARKAN RTO
1	PPR Gua Musang	Kelantan	718 unit
2	PPR Taman Danau	Hulu Selangor	180 unit
3	PPR Taman Siliau Jaya	Negeri Sembilan	140 unit
4	PPR Lembah Subang 2	Selangor	601 unit
5	PPR Sri Aman	Kuala Lumpur	190 unit
Jumlah			1,829 unit

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Skim ini berpotensi untuk diperluaskan secara berperingkat dan mengikut keperluan dan

kesesuaian di seluruh negara bagi membantu rakyat yang berkelayakan namun mempunyai masalah mendapat kelulusan pinjaman perumahan dengan institusi kewangan.

Kementerian juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan Lembaga Perumahan Negeri bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan projek-projek PPR disamping membantu pihak negeri dalam membuat pengisian PPR yang telah dibangunkan oleh Kementerian.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Oktober 2017